



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

MEMPERKASA GOLONGAN B40 BUMIPUTERA MELALUI INTERVENSI STRATEGIK SEKTOR PERTANIAN DAN KOMODITI BERNILAI TINGGI

MERSING, JOHOR 19 Februari 2022 – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), YB Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad telah melakukan satu sesi turun padang ke tapak pembenihan dan penternakan akuakultur, ikan kelah di Far East Planet. Lawatan kerja ini adalah untuk bersama-sama dengan usahawan Bumiputera B40 di bawah Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) 2020, Zon Selatan.

DPUB merupakan salah satu inisiatif Kerajaan yang telah dilaksanakan oleh TERAJU semenjak tahun 2015 dan mempunyai beberapa objektif:

- Meningkatkan pendapatan isi rumah golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah ;
- Meningkatkan ekonomi luar bandar;
- Mencipta peluang pekerjaan;
- Mendorong keusahawanan;
- Mempertingkatkan produktiviti, dan
- Mengembangkan potensi perniagaan

Program yang menggunakan pendekatan model "quadruple helix" ini bermatlamat memperkasakan komuniti B40 Bumiputera melalui teknologi dan inovasi, penyelesaian pemasaran dan jualan yang lestari melalui usahasama 4 pihak iaitu kerajaan, akademik, pihak swasta, dan peserta.



Dengan peruntukan sebanyak RM67.5 juta, pihak TERAJU telah berkolaborasi bersama **13 universiti awam serta 3 agensi kerajaan negeri** membangunkan **sebanyak 28 projek inovasi komuniti di 148 lokasi diseluruh negara dari Perlis ke Johor hingga ke Sabah. Seramai 1,270 penerima manfaat program telah berjaya diwujudkan** bagi memperoleh pendapatan tambahan isi rumah agar melebihi paras tangga kemiskinan semasa iaitu RM 2,208.

YB Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, “Walaupun Bumiputera merupakan kaum majoriti di negara ini, iaitu pada **kadar 69.4% atau seramai 22.52 juta orang**, status sosioekonomi Bumiputera masih di tahap yang memerlukan peningkatan, khususnya kesenjangan kekayaan, jurang pendapatan serta pemilikan aset yang masih rendah. Ini adalah realiti kedudukan sosioekonomi golongan Bumiputera hari ini, khususnya golongan B40.

Justeru itu, melalui model ‘quadruple helix’ TERAJU dengan rakan-rakan kolaborasi berkeupayaan seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Far East Planet serta para peserta, Kerajaan telah berjaya membuka ruang dan peluang kepada golongan B40 untuk turut terlibat sebagai pemain dalam sektor berimpak tinggi yang akan menerajui industri masa hadapan. Ini adalah selaras dengan naskah halatuju sedekad ***Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang dibangunkan untuk pemerksaan sosioekonomi Bumiputera.*** Sektor Pertanian dan Komoditi telah digariskan di dalam TPB2030 sebagai salah satu **Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama Bumiputera (KEGA)** yang mampu menjana nilai, peluang pekerjaan serta memenuhi permintaan pasaran”.

Demi memastikan segala perancangan pemerksaan B40 ini berjaya mencapai matlamatnya,TERAJU akan terus melaksanakan tindakan-tindakan proaktif dan afirmatif seperti menambah baik tadbir urus dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera serta pengukuhan modal insan melalui peningkatan kapasiti dan keupayaan.

#TAMAT#



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU
siti.rozalina@teraju.gov.my | 6019 238 4262
soffian@teraju.gov.my | 6012 855 6125
nurulhidayah@teraju.gov.my | 6013 369 5159

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelarasan utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

MENGENAI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Universiti Putra Malaysia merupakan universiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kecemerlangan selama 88 tahun dalam pengajian tinggi juga diiktiraf sebagai salah satu universiti penyelidikan terbaik di rantau ini dan menduduki tempat ke-143 dan ke-2 terbaik negara di QS World University 2022. Sebagai salah satu universiti terbesar dan terkemuka di Malaysia dengan reputasi kecemerlangan yang lestari dalam pengajaran dan penyelidikan, UPM sentiasa menjadi pilihan utama bagi pelajar dari seluruh dunia.

Sebagai pusat pembelajaran bertaraf dunia, Universiti Putra Malaysia menawarkan portfolio disiplin akademik yang luas bagi lebih daripada 28,000 pelajar dalam pelbagai program akademik yang telah banyak menyumbang kepada pengetahuan dan pembangunan modal insan yang berkualiti sejak tahun 1931.

Penjanaan dan penyebaran ilmu menjadi teras utama aktiviti di Universiti Putra Malaysia seiring dengan slogan yang disematkan iaitu "Berilmu Berbakti".

Maklumat lanjut hubungi:

Dr Muhammad Fadhil Syukri
Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian



Universiti Putra Malaysia
Emel: fadhil@upm.edu.my
HP: 019-9772912

MENGENAI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ialah universiti penyelidikan diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan menawarkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi. UTM berada di tempat #191 di dunia mengikut Kedudukan Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS), #38 di Asia dan #100 Teratas untuk Kejuruteraan dan Teknologi.

Pada tahun 2021 UTM telah mencapai Penarafan Keseluruhan 5 Bintang melalui Penarafan Bintang QS. Mula ditubuhkan pada 1972, UTM telah melahirkan kira-kira 190,000 graduan dengan bilangan pelajar terkini ialah 12,296 orang dengan 4,258 daripadanya ialah pelajar antarabangsa, dengan kekuatan 1,688 kakitangan akademik yang mempunyai Ijazah Kedoktoran.

Dengan tiga kampus di Johor Bahru Kuala Lumpur dan Pagoh, UTM telah dan akan sentiasa, sinonim dengan kemajuan & pembangunan sains & teknologi di Malaysia.

Maklumat lanjut hubungi:

Prof Madya Dr. Johari Bin Surif
Pengarah / Ketua Program
Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN)
Emel: johari_surif@utm.my
HP: 013-7229759



JABATAN PERDANA MENTERI

